


Perangkap minyak terbahagi kepada dua jenis iaitu perangkap minyak jenis individu dan perangkap minyak jenis komunal. Reka bentuk kedua-dua jenis perangkap minyak ini adalah bergantung kepada keluasan Kawasan sesuatu premis makanan dan kadar aliran air limbah.



NO.	KOMPONEN	FUNGSI
1	Paip aliran Masuk (Inlet)	Mengalirkan air limbah ke dalam perangkap minyak
2	Bakul Penyaringan (Sieve Container)	Memerangkap sisa makanan dan pepejal dari memasuki perangkap minyak
3	Penghadang / ruang sesekat (Baffles)	Memperlahankan aliran air supaya proses pengasingan antara FOG dan air boleh berlaku
4	Ruang Persampelan (Sampling Point)	Ruang bagi mengambil sampel effluen dari perangkap minyak bagi tujuan pemeriksaan kualiti air
5	Paip Aliran Keluar (Outlet)	Mengalirkan effluen keluar dari perangkap minyak

**CARTA ALIRAN REKA BENTUK
PERANGKAP MINYAK DAN FUNGSI NYA**

TINDAKAN YANG AKAN DIKENAKAN JIKA MELAKUKAN KESALAHAN IAITU **DENDA RM500 ATAU TINDAKAN MAHKAMAH**

PERINGATAN!

**SENTIASA MENYELENGGARA
PERANGKAP MINYAK / SISTEM KUMBAHAN
DI PREMIS ANDA**

AKTA JALAN PARIT DAN BANGUNAN, 1974 SEKSYEN 55 (1/4)

Tiada sebarang tred cecair boleh dialirkan ke dalam dengan mana-mana sungai, alur, anak sungai, kolam, tasik, laut, atau mana-mana parit air tanpa kebenaran.


'NO DIRECT DISCHARGE ALLOWED'

Tiada pelepasan sisa cecair secara terus ke longkang awam.



JABATAN KESIHATAN AWAM DAN
PERKHIDMATAN PERBANDARAN
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH,
PERAK DARUL RIDZUAN

BAGAIMANA UNTUK MENGURUSKAN AIR LIMBAH DARI PREMIS MAKANAN (LEMAK, MINYAK DAN GRIS)




pelesenan@mdbg.gov.my



05-3632020

PERANGKAP MINYAK



TAFSIRAN

Sejenis alat yang dipasang di premis makanan untuk mengasingkan sisa makanan dan minyak dari air limbah.


TUJUAN PEMASANGAN PERANGKAP MINYAK

Menapis air limbah dari premis makanan sebelum air disalurkan ke dalam sistem pembentungan.

KEPENTINGAN MEMASANG DAN SELENGGARA PERANGKAP MINYAK

- Pelihara alam sekitar
- Elak pencemaran air
- Elak bau busuk dan penyakit bawaan vektor seperti lipas, lalat, tikus
- Memudahkan proses rawatan air

Apa yang Perlu Anda Lakukan?



1. Kerap membersihkan perangkap minyak dan gris anda.
2. Lupus minyak, lemak dan gris ke dalam tong khas biodiesel
3. Salurkan air yang keluar dari grease trap ke dalam tangki septik / saluran kumbahan



AMALAN YANG BETUL

Aktiviti Memasak



Aktiviti Mencuci



Sisa Cecair disalurkan ke Grease Trap



Minyak/Lemak/Gris dalam Perangkap Minyak dibuang dalam Bekas Khas



Air keluar dari Grease Trap disalurkan ke dalam tangki septik



AMALAN YANG SALAH


Aktiviti Memasak



Aktiviti Mencuci



Air terus mengalir ke longkang tanpa melalui Grease Trap



AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976 (AKTA 171)

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN (MAJLIS DAERAH BATU GAJAH) 2017

Tarikh Warta: 15 Januari 2017 (Pk.P.U.16.)
m/s : 1055 - 1171

Seksyen 22 : Pencemaran effluen dan kumbahan

"Tiada sesiapa boleh menyebabkan dilepaskan sebarang effluen atau kumbahan kecuali pada tempatnya dan hendaklah mengikut cara sebagaimana ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melesen."

Sila Rujuk [Garis Panduan Pemasangan Perangkap Minyak di Premis Makanan di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan \(PBT\)](#) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk Maklumat Lanjut.